

Takrifan pengganas menurut Dr. Mahathir

UM 2 APR 2002

KUALA LUMPUR 1 April — Takrifan pengganas yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap serangan berani mati oleh puak pelampau Palestin merupakan tindak balas terhadap kegiatan ganas rejim Israel selama ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, takrifan keganasan yang diberikan oleh Perdana Menteri itu tidak boleh diambil di luar konteks kerana ia akan memberikan gambaran yang salah.

“Apa yang Perdana Menteri katakan ialah para pengebom Palestin itu memberikan tindak balas terhadap keganasan yang dilakukan oleh kerajaan Israel.

“Mereka ini (pengebom Palestin) berjuang untuk hidup dan dalam konteks itu, Israel merupakan puncanya, jadi Israel tidak boleh menggunakan alasan itu untuk memasuki wilayah Palestin bagi menghapuskan mereka,” ujarnya.

Syed Hamid berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai ucap-tama Perdana Menteri yang menyebut mengenai definisi sebenar yang sepatutnya digunakan untuk mentakrifkan pengganas.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir mencadangkan supaya sebarang serangan bersenjata terhadap orang awam dianggap sebagai tindakan ganas dan pelakunya sebagai pengganas.